

Penggiliran elak pegawai kerajaan 'kena himpit'

Kuala Lumpur: Pusingan kerja pegawai kerajaan yang menyanggah jawatan sensitif terutama di bahagian perolehan dan tender akan dapat menutup ruang perancangan jenayah jangka panjang serta menyelamatkan penjawat awam berkenaan daripada dihimpit 'pemangsa' yang mahu menawarkan rasuah.

Presiden CUEPACS, Adnan Mat, berkata apabila terlalu lama memegang jawatan terbabit, sudah tentu pegawai berkenaan dapat mengesan kelemahan yang boleh diambil kesempatan berkomplot dengan pihak lain, katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau mengulas saranan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali supaya Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melaksanakan pusingan kerja membabitkan pegawai di jawatan sensitif susulan pendudukan SPRM mengenai sindiket

kartel projek yang memonopoli tender kerajaan sejak 2014.

Mengulas lanjut, Adnan berkata, menerusi penggiliran 'pemangsa' di luar juga sukar untuk mendekati atau 'menghimpit' penjawat awam untuk memujuk mereka supaya terbabit salah laku.

"Bagaimanapun, CUEPACS tetap yakin dengan prosedur operasi standard (SOP) sedia ada dalam perkhidmatan awam. Audit dalaman dan Audit Negara masih lagi mampu mengekang kegiatan salah laku apatah lagi dengan pembabitan aktif pihak SPRM," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Kontraktor Bumiputera Kelas F Malaysia (PERKOBF Malaysia), Tukiman Radion, berkata sistem cabutan undi dan kerap menukar pegawai yang menguruskan bahagian pengagihan projek adalah cara terbaik bagi mengelak berlaku

monopoli atau penyelewengan dalam proses pengagihan projek kerajaan.

Katanya, kontraktor kecil kerap menjadi mangsa tindakan monopoli sesetengah pihak apabila projek ditawarkan kerajaan dibuat melalui sebut harga.

"Persatuan amat berharap semua projek untuk kontraktor kecil kelas F khasnya supaya kerajaan (buat secara) undi kerana ia adalah sistem yang paling telus dan sampai terus kepada kontraktor kecil.

"Sekiranya projek ditawarkan secara sebut harga, memang akan ada pihak yang akan mendominasi dan perkara sebegini sudah terlalu lama berlarutan," katanya kepada *BH*.

Tukiman berkata ada 'kumpulan' tertentu umpama kartel ini mendapatkan maklumat melalui 'orang dalam' mengenai harga sepatutnya untuk sesuatu projek yang ditawarkan.